

KDN digesa bertindak tegas

Utusan Online

29 April, 2012

KUALA LUMPUR 28 April - Kementerian Dalam Negeri (KDN) digesa bertindak tegas terhadap peserta perhimpunan haram Bersih 3.0 demi memberi keadilan kepada 99.9 peratus rakyat Malaysia yang mematuhi undang-undang negara.

Presiden Persatuan Pemikir Profesional Melayu Malaysia, Prof. Datuk Dr. Kamaruddin Kachar berkata, ketiadaan tindakan juga mungkin menyebabkan kumpulan terbabit akan terus mengadakan provokasi dari semasa ke semasa sehingga boleh mengancam keselamatan rakyat.

"Kita dah muak dan jelak dengan lakonan pihak pembangkang ini. Tindakan kurang ajar mereka itu telah menjatuhkan martabat dan imej negara. Kerajaan tidak perlu berlembut dengan mereka lagi, masukkan sahaja mereka ke dalam lokap.

"Kerajaan tidak perlu takut, kerana seramai 99.9 peratus lagi rakyat Malaysia berada di belakang kerajaan pada hari ini. Kami mahukan jaminan keselamatan dan kesejahteraan bukannya hasutan pembangkang," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Bendahari Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Mohamad Aziz berkata, sikap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membenarkan penyokongnya 'bergaduh' dengan pihak polis melayakkan beliau dikategorikan sebagai seorang pemimpin yang zalim, ganas dan tidak berperikemanusiaan.

Beliau seterusnya mempersoalkan tentang tanggungjawab pihak polis dan hak orang ramai apabila secara tidak langsung dilibatkan dalam pergaduhan yang sengaja dicetuskan tersebut.

"Oleh itu, kita minta KDN tidak lagi bertolak ansur dengan Pengerusi Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga mahupun Anwar. Apa yang mereka lakukan hari ini adalah suatu jenayah. Kita tidak boleh biarkan.

"Matlamat utama mereka telah jauh tersasar. Mereka ini sudah boleh dianggap sebagai perusuh. Tangkap Ambiga itu, hatinya penuh dengan niat kotor dan keji," katanya.

Dalam pada itu, Mursyidul Am Kelab Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim (TIBAI), Muhammad Zahid Md. Arip berkata, Anwar dan penyokongnya merupakan mereka yang kufur nikmat.

"Anwar dan Ambiga tidak perlu lagi 'meliwat' otak rakyat negara ini kerana matlamat mereka untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) menerusi jalan raya pada hari ini telah gagal.

"Meskipun kumpulan yang berhimpun ini bercadang untuk menghasut rakyat dengan menggunakan tipu helah mereka, tetapi kita yakin mereka tidak akan berjaya," kata beliau.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0429&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm